

UMS terima Freezailah Forest Sustainability Award

UB 29.11.16 A5

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima Freezailah Forest Sustainability Award daripada Majlis Pensijilan Kayu Malaysia (MTCC).

Penyampaian anugerah itu adalah bersempena pelancaran anugerah berkenaan antara kedua pihak.

Pelancaran itu adalah sebagai penghormatan kepada pengerusi asal Datuk Dr Freezailah Che Yeom yang telah menamatkan perkhidmatan beliau selepas meneraju organisasi berkenaan selama 17 tahun.

Penganugerahan dijalankan di Dewan Canselor UMS selepas sidang kelima Majlis Konvokesyen UMS ke-18, kelmarin.

Anugerah itu adalah untuk menggalakkan kecemerlangan akademik melalui pengiktirafan kepada pelajar yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam kursus-kursus berkaitan perhutanan di UMS.

Chaw Vi Vian dari Fakulti Sains dan Sumber Alam UMS menjadi penerima anugerah itu melalui tesis yang dijalankan oleh beliau iaitu *'The use of Aquatic Insect Communities as Bioindicator at Ulu Kimanis, Crocker Range Park, Sabah'*.

Kajian Chaw itu adalah di bawah program Pemuliharaan Biologi oleh fakultinya.

Sementara itu, Chaw menerima sijil penghargaan dan wang tunai sebanyak



CHAW (dua kiri) sijil dan wang tunai daripada Freezailah (dua kanan) sambil diperhatikan oleh Harun (kanan) dan Yong (kiri).

RM2,000.

Beliau berharap untuk melanjutkan pengajiannya dan menghabiskan Ijazah Sarjananya dalam program yang sama.

Turut hadir, Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif MTCC Yong Teng Koon. **Oleh ALFRED PETRUS**